



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENTADBIRAN MAJLIS AGAMA ISLAM DAN  
ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN  
1915-1941**

**MUHAMAD HARIS BIN SAWALLUDIN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA)  
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2017**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## ABSTRAK

Kajian ini berkenaan dengan pentadbiran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), 1915-1941. Perbincangan menjurus kepada latar belakang MAIK dan peranannya dalam pencegahan masalah sosial di Kelantan. Bagi mendapatkan pemahaman yang lebih jelas berkenaan dengan masalah sosial di Kelantan, masalah salah laku seksual turut dibincangkan yang melibatkan masalah khalwat, bersekedudukan, pelacuran dan rogol. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Dalam kaedah ini, pengkaji melakukan analisis ke atas sumber-sumber primer yang terdapat di Arkib Negara Malaysia. Sumber-sumber primer berkenaan adalah terdiri daripada fail-fail MAIK, rekod-rekod kolonial seperti fail *Colonial Office, Annual Report of Kelantan*, fail-fail kerajaan negeri Kelantan dan fail-fail laporan MAIK. Selain itu, pengkaji juga menjalankan kajian di perpustakaan universiti awam untuk membuat analisis ke atas penyelidikan terdahulu. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa MAIK telah melaksanakan undang-undang pencegahan dan menangani masalah sosial yang menjurus kepada pelaksanaan undang-undang dan kerjasama dengan pelbagai pihak seperti pihak polis, imam, mahkamah dan anggota masyarakat. Isu dan cabaran dalam menangani masalah sosial turut menjelaskan tadbir urus dalam pentadbiran MAIK terhadap pencegahan masalah sosial di Kelantan. Secara keseluruhannya, kajian ini telah menunjukkan corak pentadbiran institusi agama di bawah MAIK sebagai sebuah pentadbiran yang berkesan dan sesuai pada masa itu.



05-

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## THE ADMINISTRATION OF MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN 1915-1941

### ABSTRACT

This study focuses on the administration of Majlis Agama Islam and Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) between 1915-1941. The discussion is focused on the background of MAIK and their role in prevention of social problems among Muslims in Kelantan. To get a clearer understanding regarding the social problems in Kelantan, the problem of sexual misconduct involving close promiscuity (khalwat), cohabitation, prostitution and rape were also discussed. This study used a qualitative method. Through this method, the researchers conducted an analysis of primary document sources available at the National Archives of Malaysia. The sources comprised of MAIK files, colonial records such as Colonial Office files, Annual Report of Kelantan and Kelantan state government files. In addition, the study also conducted research in the libraries of public universities in view to make an analysis of past studies. The findings of this study proved that MAIK had implemented preventive laws to prevent and deal with the social problems that lead to the enforcement of the law in cooperation with various parties such as the police, imam, judiciary and community members. The issues and challenges in addressing social problems also explained their governance both in the administration and the prevention of social problems in Kelantan. Overall, this study has demonstrated a pattern of administration of religious institutions under MAIK as an effective and systematic administration during that period.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## KANDUNGAN

### Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI GAMBAR	x
SENARAI CARTA	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
05-4506832	
pustaka.upsi.edu.my	
SENARAI LAMPIRAN	xiii
f	Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
Twitter icon	PustakaTBainun
Instagram icon	ptbupsi

## BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Pernyataan Masalah	4
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Skop Kajian	6
1.5	Sorotan Literatur	7
1.6	Kepentingan Kajian	16
1.7	Kaedah Kajian	17
1.8	Definisi Istilah	18
1.9	Pembahagian Bab	24



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 2 LATAR BELAKANG PENUBUHAN MAIK

2.1	Pengenalan	27
2.2	Penubuhan MAIK	28
2.3	Faktor-faktor Penubuhan MAIK	33
2.4	Tokoh-tokoh yang Merencanakan Penubuhan MAIK	45
2.5	Anggota Mesyuarat MAIK dan Organisasi MAIK	48
2.6	Peranan MAIK Menangani Masalah Sosial	52
2.7	Kesimpulan	60

## BAB 3 PELANGGARAN AKHLAK DAN JENAYAH SOSIAL DI BAWAH MAIK

3.1	Pengenalan	61
3.2	Khalwat	62
3.2.1	Golongan yang Terlibat	62
3.2.2	Lokasi Khalwat	67
3.3	Bersekedudukan	70
3.3.1	Golongan yang Terlibat	70
3.3.2	Alasan Bersekedudukan	76
3.3.3	Kesan Bersekedudukan	79
3.4	Pelacuran	85
3.4.1	Punca Pelacuran	85
3.4.2	Lokasi Pelacuran	88
3.4.3	Orang Tengah	91
3.4.4	Kesan Masalah Pelacuran	92



3.5	Rogol	96
3.5.1	Kesan Perbuatan Rogol	98
3.6	Kesimpulan	101

#### BAB 4 PELAKSANAAN DAN PENTADBIRAN SYARIAH DI BAWAH MAIK

4.1	Pengenalan	102
4.2	Undang-undang Salah Laku Seksual	103
4.2.1	Pelaksanaan Undang-undang Salah Laku Seksual	104
4.2.2	Surat Kuasa	110
4.3	Keberkesanan Jaringan	116
4.3.1	Polis	117



4.3.2	Imam	120
4.4.3	Mahkamah Syariah dan Mahkamah Kadi	124
4.4	Kerjasama Anggota Masyarakat	129
4.5	Akur Dengan Nasihat dan Amaran	137
4.6	Kesimpulan	140

#### BAB 5 ISU DAN CABARAN PENTADBIRAN MAIK DI KELANTAN

5.1	Pengenalan	142
5.2	Keselamatan	143
5.3	Ragam Pesalah	145
5.4	Tidak Insaf Dengan Hukuman yang Dijatuhkan	149
5.5	Melarikan Diri Daripada Dikenakan Tindakan	152





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

5.6	Membuat Pengakuan Palsu	158
5.7	Penglibatan Orang Bukan Islam	160
5.8	Laporan Palsu	162
5.9	Nasihat Tidak Diendah	163
5.10	Kesimpulan	168
<b>BAB 6 PENUTUP</b>		170
<b>RUJUKAN</b>		176
<b>LAMPIRAN</b>		200



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI GAMBAR

No. Gambar	Muka Surat
2.1 Sultan Muhammad ke-IV	30
2.2 Haji Nik Mahmud bin Haji Nik Ismail Qadhi	47
2.3 Haji Muhammad bin Haji Mohd Said	47
2.4 Tok Kenali	48



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI CARTA

### No. Carta

### Muka Surat

2.1      Carta Organisasi MAIK

51



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI SINGKATAN

C.O.	<i>Colonial Office</i>
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
F.O.	<i>Foreign Office</i>
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
ISO	<i>Imperial Service Order</i>
JMBRAS	<i>Journal of Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society</i>
KAR	<i>Kelantan Administration Report</i>
K.C.M.G.	<i>Knight Commander of the Order of St Michael and St George</i>
MAIK	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
O.C.P.D.	<i>Officer in Charge of Police District</i>
PBK	Pejabat Balai Kelantan
PMK	Pejabat Menteri Kelantan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## SENARAI LAMPIRAN

- A Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad ke-IV
- B Undang-undang Nombor 14 Tahun 1916
- C1 Notis Nombor 5 Tahun 1916
- C2 Notis Nombor 26 Tahun 1916
- C3 Notis Nombor 3 Tahun 1919
- C4 Notis Nombor 7 Tahun 1919
- D Surat Kuasa Inchik Ja'afar
- E Salinan Surat Kuasa Peguam dan Kerani Besar MAIK
- F Salinan Surat Kuasa Tuan Haji Abdul Majid
- G Surat Kuasa Surau Besar
- H Memo Amaran Keras Kepada Tuyang



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan



05-4506832

Pentadbiran<sup>1</sup> merupakan elemen asas dalam menggerakkan sesuatu organisasi yang mendukung sesebuah matlamat yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, matlamat organisasi hanya tercapai dengan adanya pentadbiran yang berkesan. Di Kelantan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)<sup>2</sup> telah dipertanggungjawabkan mulai tahun 1915 untuk mentadbir hal ehwal masyarakat

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



mendukung sesebuah matlamat yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, matlamat organisasi hanya tercapai dengan adanya pentadbiran yang berkesan. Di Kelantan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)<sup>2</sup> telah dipertanggungjawabkan mulai tahun 1915 untuk mentadbir hal ehwal masyarakat

<sup>1</sup>“Pentadbiran dapat didefinisikan sebagai keseluruhan proses pelaksanaan daripada keputusan-keputusan yang telah diambil sama ada pelaksanaan pada umumnya dilakukan oleh dua orang manusia atau lebih untuk mencapai tujuan yang telah ditentukan sebelumnya, iaitu merangkumi proses dalam perancangan, penyusunan, pengetahuan dan pengawalan.” Lihat K. Ramanathan. (1993). *Konsep Asas Pentadbiran Awam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 123.

<sup>2</sup>Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu merupakan nama yang digunakan mulai tahun 1915 merujuk kepada MAIK. Lihat Undang-undang bagi Anggota Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan Nombor 14 Tahun 1916. hlm. 2; Pada masa kini institusi ini dikenali sebagai Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Perkataan “adat” mula dimasukkan berdasarkan Enakmen Bil. 2 Tahun 1966. Enakmen Bil. 4 Tahun 1994 pula diluluskan bagi menggunakan perkataan “agama” daripada perkataan “ugama” yang telah digunakan sejak penubuhan MAIK. Lihat Muhammad Na’im Daud. (2002). *Pentadbiran Agama Islam di Kelantan: Kajian di Akhir Abad ke-19 Sehingga Awal Abad ke-20 Masehi*. Disertasi Sarjana yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Fakulti Pengajian Islam Universiti Malaya. hlm. 53. Bagi mengelakkan kekeliruan dalam kajian ini, pengkaji selaras menggunakan akronim MAIK tatkala merujuk kepada institusi tersebut. Hal ini kerana akronim tersebut amat luas digunakan pada masa kini termasuklah oleh institusi itu sendiri dan juga penulisan yang berkeraan dengannya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Islam di Kelantan termasuklah hal yang berkaitan dengan masalah sosial. Berbicara mengenai perkara tersebut, MAIK berfungsi sebagai ajen kawalan sosial<sup>3</sup> yang dibentuk bagi mengawal masalah sosial dalam kalangan masyarakat Islam di Kelantan daripada terus melarat.

Berbanding dengan negeri-negeri Melayu yang lain, Kelantan merupakan sebuah negeri yang terkenal dengan suatu corak budaya masyarakat yang agak unik.<sup>4</sup> Tambahan pula, agama Islam memainkan peranan penting dan mempengaruhi sistem nilai dan moral di negeri yang bersempadan dengan Siam tersebut melalui institusi pondok yang menjadi asas kepada kelahiran gologan cerdik pandai Melayu Kelantan.<sup>5</sup> Dari semasa ke semasa, terutamanya perubahan-perubahan yang berlaku mulai abad ke-20 mencetuskan dampak terhadap sistem nilai dan moral dalam masyarakat Islam

Kelantan yang akhirnya menjerumuskan mereka ke dalam masalah sosial.<sup>6</sup> Antara



<sup>3</sup>“Kawalan sosial merujuk kepada semua proses yang menyebabkan individu akur pada norma masyarakat termasuk undang-undang jenayah, pihak polis, mahkamah dan institusi tahanan.” Lihat Rokiah Haji Ismail. (2000). *Kawalan Sosial dan Pelbagai Dimensi Fungsinya dalam Strategi Menangani Jenayah dan Delinkuensi di Malaysia*. Dalam Rahimah Abd. Aziz & Mohamed Yusoff Ismail. Masyarakat, Budaya dan Perubahan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 89-90.

<sup>4</sup>“Dalam sejarah silam, Kelantan bersama Thailand-Kemboja-Vietnam memagari Laut China Selatan yang berperanan menjadi hubungan kebudayaan sewilayah. Kesan-kesan saling mempengaruhi dengan Empayar Champa masih dapat dikesan dari segi amalan budaya berpakaian, makan minum, adat, dialek, pekerjaan, pertanian, perikanan dan penternakan.” Lihat A Aziz Deraman. (2013). *Citra Budaya Kelantan*. Dalam Mahmood Zuhdi Hj Abd Majid et al. (ed). *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. hlm. 524-25; Lihat juga A. Aziz Deraman. (1998). Kelantan dalam Perspektif Sosio-Budaya. *Monograf Warisan Kelantan V*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. hlm. 1-11.

<sup>5</sup>Untuk penerangan lanjut berkenaan dengan inteligensia Melayu Kelantan, lihat Alias Muhamad. (1977). *Intelijensia Melayu Kelantan: Satu Pandangan Awal*. Kota Bharu: Mohd Nawi Book Store.

<sup>6</sup>Berhubung dengan hal ini, Hanapi Dolah menjelaskan bahawa “...agama Islam yang dianuti oleh petani bercampur aduk dengan kepercayaan yang diwarisi oleh mereka sebelum Islam. Percampuran kepercayaan tersebut membenarkan hakikat bahawa penyebaran agama Islam itu tidak bertujuan untuk dan kerana agama itu sendiri. Penganutan yang bercampur aduk itu menjadi masalah yang begitu rumit. Mereka tidak memerlukan penjelasan yang mendalam tentang sesuatu perkara. Tidak adanya penjelasan yang mendalam menyebabkan mereka tidak dapat mengenal pasti yang mana kepercayaan dan amalan Islam dan mana yang bukan Islam. Justeru, walaupun petani beragama Islam, ia masih mengamalkan kepercayaan dan perlakuan yang bertentangan dengan agama itu...”. Lihat Hanapi Dollah. (1994). *Islamisasi dan Penguasaan Kelas di Kelantan*. Dalam Nik Safiah Karim et al. (ed.). *Budi Kencana: Kumpulan Makalah Memperingati Persaraan Profesor Tan Sri Dato' Ismail Hussein*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya. hlm. 85.





perubahan yang memberikan dampak yang besar terhadap sistem nilai dan moral ialah pertambahan jumlah kemasukan golongan imigran yang amat diperlukan bagi sektor perladangan di Kelantan yang rancak dibuka terutamanya dengan kemasukan sindiket Duff<sup>7</sup> yang menyaksikan masalah sosial terutamanya masalah salah laku seksual yang melibatkan masyarakat Islam bagi cendawan tubuh selepas hujan.<sup>8</sup>

Sehubungan dengan itu, berdasarkan fail-fail MAIK, masalah sosial yang melibatkan masalah salah laku seksual melibatkan masalah khalwat, bersekedudukan, pelacuran dan rogol. Dalam sistem nilai dan moral masyarakat Melayu, masalah sosial tersebut merupakan antara perkara yang mesti dijauhi oleh ahli masyarakat kerana amat bersalah dengan sistem nilai dan moral masyarakat Melayu yang telah sekian lama menjunjung nilai ketimuran yang berteraskan agama Islam.



masyarakat Islam<sup>9</sup> berasaskan bahawa terdapat anggota masyarakat Islam di Kelantan rapuh pegangan agamanya walaupun telah sekian lama negeri tersebut dikenali sebagai antara pusat yang masyhur melahirkan golongan agamawan di rantau ini. Perkara tersebut timbul lantaran proses pemahaman ajaran Islam secara lebih berkesan dilihat agak perlahan di Kelantan.<sup>10</sup> Dengan kata lain, faktor utama yang merangsang

<sup>7</sup>Mohd. Kamaruzaman A. Rahman. (1990). Perkembangan Ekonomi Kelantan (1900-1920): Peranan Penasihat Inggeris. *Monograf Warisan Kelantan IX*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. hlm. 52; Untuk maklumat lanjut tentang sindiket Duff, lihat C.O. 273/275. Foreign Office kepada Colonial Office. 1901; C.O. 273/286. Foreign Office kepada Colonial Office. 1902 dan C.O. 273/288. Foreign Office kepada Colonial Office. 1902; lihat juga L.R. Robert. (1972). The Duff Syndicate in Kelantan 1900-1902. *JMBRAS*. Vol. 45.

<sup>8</sup>Kemasukan imigran luar semakin menggalakkan setelah Perjanjian Inggeris-Siam 1909 termeterai yang menyaksikan bahawa Siam menyerahkan Kelantan kepada British. Lihat Keat Gin Ooi (ed.). (2004). *Southeast Asia: A Historical Encyclopedia from Angkor Wat to East Timor. Volume 3*. California: ABC-CLIO Inc. hlm. 1200.

<sup>9</sup>Untuk penjelasan lanjut berkenaan dengan masyarakat Islam, lihat Mustafa Haji Daud. 1990. *Pengantar Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>10</sup>Hashim Hj. Musa. (2013). 100 Tahun MAIK: Sumbangan Cemerlang Dalam Adat Istiadat Melayu Kelantan. Dalam Mahmood Zuhdi Hj Abd Majid et al. (ed). *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad*





keterlibatan masyarakat Islam dalam masalah sosial adalah disebabkan lemahnya pegangan terhadap ajaran Islam yang menjadi anutan mereka.<sup>11</sup>

## 1.2 Pernyataan Masalah

Agama Islam merupakan agama yang menjadi pegangan masyarakat Kelantan yang majoritinya ialah orang Melayu. Lantaran itulah negeri Kelantan kerap dinukilkhan dalam fail-fail MAIK sebagai “negeri Islam”. Hal tersebut diperkuatkan dengan peranannya sebagai pusat pengajian Islam yang terkenal di rantau ini terutamanya mulai abad ke-19. Namun, keadaan yang harmoni tersebut telah tercabar terutamanya memasuki abad ke-20 yang memperlihatkan beberapa perubahan dari aspek sosial dan ekonomi di Kelantan lantas mencemar sistem nilai dan moral yang kuat didukung oleh



masyarakat Islam. Hal tersebut diparahkan lagi dengan lemahnya pegangan agama Islam yang memudahkan masyarakat Islam terjebak dengan masalah sosial.

Di Kelantan, perbuatan khalwat, bersekedudukan, pelacuran dan rogol dikenal pasti antara masalah sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat Islam. Masalah-masalah sosial tersebut dikategorikan sebagai masalah salah laku seksual. Walaupun perkembangan agama Islam semakin pesat di Kelantan, amalan-amalan yang menyalahi ajaran Islam masih lagi wujud dalam kalangan masyarakat Islam

---

*Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.* Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. hlm. 595-596.

<sup>11</sup>Penglibatan dalam kegiatan perjudian, minum arak dan pelacuran dalam kalangan masyarakat Islam menunjukkan keruntuhannya moral mereka. Sehubungan dengan itu, untuk menangani masalah tersebut pelbagai notis telah dikeluarkan. Lihat Noraini Md. Zain. (2006). *Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Monograf Warisan Kelantan VII.* Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. hlm. 60-61.





Kelantan.<sup>12</sup> Sehubungan dengan itu, lemahnya pegangan agama dalam kalangan masyarakat Islam menarik penglibatan mereka dalam masalah sosial yang melibatkan masalah salah laku seksual. Sehubungan dengan itu, hal tersebut menjadi tanggungjawab pentadbiran MAIK dalam menangani masalah sosial tersebut demi memastikan kemaslahatan negeri dan rakyat diletakkan di tempat teratas.

### 1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian bertujuan meneliti masalah-masalah sosial dalam kalangan masyarakat Islam dari tahun 1915 hingga tahun 1941. Lantaran itu, masalah-masalah sosial tersebut difahami melalui hubung kaitnya dengan kekuatan dan kesiapsiagaan MAIK dari aspek pentadbirannya untuk melaksanakan undang-undang dan menangani masalah sosial. Selain itu, kajian ini turut memperincikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh MAIK tatkala mengendalikan kes yang berkaitan dengan masalah sosial. Secara lebih khusus, objektif kajian adalah seperti berikut:

- i- Mengkaji latar belakang MAIK.
- ii- Membincangkan masalah-masalah sosial dalam kalangan masyarakat Islam Kelantan yang dikendalikan oleh MAIK.
- iii- Menganalisis kemampuan MAIK dalam melaksanakan pentadbiran syariah di Kelantan.
- iv- Menilai isu dan cabaran yang dihadapi oleh MAIK dalam tadbir urus masyarakat Islam Kelantan.

<sup>12</sup>Farid Mat Zain & Ezad Azraai Jamsari. (2007). Perkembangan Islam di Negeri Kelantan Pada Abad ke-19. Dalam Farid Mat Zain (Pny.) *Islam di Tanah Melayu Abad Ke-19*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd. hlm. 210.





## 1.4 Skop Kajian

Tempoh selama 26 tahun iaitu bermula dari tahun 1915 hingga tahun 1941 dalam kajian ini menumpukan kepada fail-fail MAIK yang berhubung kait dengan masalah sosial dalam kalangan masyarakat Islam Kelantan. Fokus kajian ini lebih tertumpu kepada orang Melayu berbanding dengan bangsa lain kerana di Kelantan khasnya, orang Melayu yang menjadikan Islam sebagai agama anutan adalah majoriti. Tahun permulaan kajian ialah tahun 1915 kerana rekod-rekod dan dokumen yang menyentuh berkaitan dengan pentadbiran MAIK dapat dikenal pasti sejak tahun tersebut. Walau bagaimanapun, undang-undang yang dikuatkuasakan bagi melancarkan pentadbiran Islam di Kelantan oleh pentadbiran MAIK hanya bermula pada tahun 1916 setelah notis-notis yang berhubung kait dengan pentadbiran MAIK diluluskan oleh Majlis Negeri.<sup>13</sup>



Tahun 1941 dipilih sebagai tahun pengakhir kajian kerana berlakunya malapetaka dunia di Asia iaitu Perang Pasifik yang menjadi salah satu perang dalam Perang Dunia Kedua iaitu menyaksikan perpindahan tangan sebagai kuasa penjajah di Kelantan daripada British kepada Jepun.<sup>14</sup> Tambahan pula, tempoh 26 tahun tersebut menonjolkan keprihatinan dan kematangan golongan cerdik pandai Melayu Kelantan yang mengembangkan tenaga dan buah fikiran dalam memastikan sebuah institusi agama Islam dapat ditubuhkan dan seterusnya berfungsi dengan baik bagi memastikan kedaulatan Islam sentiasa terpelihara di bumi Kelantan selain mencegah masalah sosial dalam kalangan masyarakat Islam.

<sup>13</sup>Abdul Razak Mahmud. (2013). Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK): Sejarah Penubuhan dan Kegiatan Awal sehingga 1925. Dalam Mahmood Zuhdi Hj Abd Majid et al. (ed.). *Puri Kencana: Kecemerlangan Satu Abad Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*. Kota Baharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. hlm. 29.

<sup>14</sup>HL. Mike Wrigglesworth. (1994). *The Japanese Invasion of Kelantan in 1941*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. hlm. 1.





## 1.5 Sorotan Literatur

Penulisan berkenaan dengan pentadbiran sesebuah institusi agama terhadap masyarakat Islam telah banyak dilakukan para penulis. Antaranya ialah penulisan oleh Mazlan Ismail<sup>15</sup> yang menelusuri perkembangan MAIK dan pentadbirannya. Penulis menyentuh berkenaan dengan pentadbiran MAIK terhadap masyarakat Islam sejak MAIK ditubuhkan pada tahun 1915. Walau bagaimanapun, penulis tidak menyentuh berkenaan dengan pentadbiran MAIK dalam aspek masalah sosial yang melibatkan masyarakat Islam di Kelantan seperti mana dalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Hal ini kerana, penulis dilihat cenderung menyentuh pentadbiran MAIK dalam hal ehwal pendidikan dan zakat.

Pentadbiran terhadap masyarakat Islam meliputi pelbagai aspek yang



melibatkan kemaslahatan masyarakat Islam. Antaranya ialah berkenaan dengan pentadbiran zakat<sup>16</sup>, pentadbiran tanah wakaf dan baitulmal<sup>17</sup> dan pentadbiran

<sup>15</sup>Mazlan Ismail. (1988). *Majlis Ugama Islam Kelantan: Satu Kajian Mengenai Sejarah Penubuhan dan Pentadbirannya*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Fakulti Syariah Universiti Malaya.

<sup>16</sup>Mohd. Zulkifli Ab. Ghani. (2003). *Pengagihan Zakat Mengikut Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994: Kajian Terhadap Asnaf Fi Sabilillah*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang Universiti Malaya; Khairunnisa Johari. (2012). *Pengagihan Zakat Kepada Ibnu Sabil: Satu Tinjauan di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul Universiti Malaya; Zuwariah Muhamad Nor. (2012). *Zakat Pendapatan: Satu Tinjauan di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul Universiti Malaya; Mohd Zulkifli Ab Ghani. (2000). *Peranan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan Dalam Pentadbiran dan Pengurusan Zakat: Satu Kajian di Kota Baharu Kelantan*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang Universiti Malaya.

<sup>17</sup>Rusmalina Mat Amin. (2002). *Kuasa-Kuasa Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dalam Pengurusan dan Pentadbiran Tanah-tanah Baitulmal*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang Universiti Malaya; Wan Roslina Wan Daud. (1999). *Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Kelantan: Sumbangannya Dalam Meningkatkan Ekonomi Umat Islam*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Syariah Universiti Malaya; Mohd Zain Ab Rahman. (2003). *Pengurusan Harta Wakaf Mengikut Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Program Pengajian Islam Universiti Malaya; Nora Mat Rasid. (2003). *Potensi Pelaburan Harta Wakaf Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang Universiti Malaya; Norul Aini Yusoff. (2004). *Kajian Pengurusan Harta Pusaka Tak*





dakwah.<sup>18</sup> Terdapat juga penulisan yang menyentuh tentang pentadbiran agama yang lebih menjurus kepada latar belakang penubuhan, struktur organisasi dan perkembangannya.<sup>19</sup> Berdasarkan penelitian yang dijalankan, penulisan berkenaan dengan pentadbiran yang melibatkan masalah sosial dalam kalangan masyarakat Islam seperti masalah salah laku seksual kurang diberi tumpuan oleh kebanyakan penulis.

Walau bagaimanapun, terdapat juga penulisan yang menyentuh berkenaan dengan hal ehwal jenayah yang melibatkan masyarakat Islam. Penulisan oleh Norizan Kamarudin<sup>20</sup> menyentuh berkenaan dengan pentadbiran agama Islam di Pahang yang memfokus kesan pentadbirannya terhadap masyarakat Islam di Pahang. Berbanding dengan penulisan yang lain, penulisan ini ada menyentuh berkenaan dengan hal ehwal jenayah yang melibatkan masyarakat Islam di Pahang. Sebelum adanya mahkamah yang diwujudkan oleh pihak British, segala kes jenayah dihadapkan di hadapan sultan dan segala hukuman adalah atas budi bicara baginda seperti kesalahan zina, bunuh, mencuri dan mengamuk. Hal ini berhubung kait dengan hubungan yang erat antara istana Pahang dengan orang Arab yang membawa kepada penggubalan Hukum Kanun Pahang. Kemudiannya, Majlis Anggota Islam Pahang (MAIP) ditubuhkan pada tahun

---

Berwaris di Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Program Pengajian Islam Universiti Malaya.

<sup>18</sup>Ruhani Zakaria. (1987). *Peranan Majlis Agama Islam Kelantan Dalam Bidang Dakwah di Kelantan*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Islam Universiti Malaya; Rosmah Hj. Sidek. (1992). *Majlis Agama Islam Kelantan: Suatu Kajian Tentang Peranannya Dalam Penyebaran Dakwah*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Manusia Universiti Malaya; Nazrul Atikullah Hj. Abd. Aziz. (2003). *Program Unit Dakwah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) Kepada Saudara Baru: Satu Kajian Mengenai Sambutan dan Masalah*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Universiti Malaya.

<sup>19</sup>A. Rahman Majid. (1978). *Majlis Ugama Islam dan Adat Melayu Perak: Sejarah dan Peranannya (1949-1958)*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>20</sup>Norizan Kamarudin. (1979). *Pentadbiran Ugama Islam di Pahang dalam Tahun 1888 hingga 1941*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.





1933 bagi melicinkan pentadbiran masyarakat Islam di Pahang. Walau bagaimanapun, penulis tidak menelusuri peranan badan tersebut dalam pentadbiran agama di Pahang.

Penulisan yang menyentuh berkenaan dengan institusi agama Islam sebahagiannya hanya menelusuri perkembangan institusi tersebut dari aspek sejarah penubuhan dan perkembangannya secara umum. Tuan Ruhani Tuan Shariff @ Syed Abu Bakar<sup>21</sup> dalam latihan ilmiahnya memfokuskan kepada perkembangan pentadbiran agama Islam di Terengganu. Perkembangan pentadbiran Islam di Terengganu semakin rancak bertitik tolak daripada pengisytiharan agama Islam sebagai agama rasmi negeri pada tahun 1911. Hal ini seterusnya selaras dengan penubuhan Pejabat Hal Ehwal Ugama Islam dan Keadilan pada tahun 1912. Menjelang tahun 1949, secara rasminya Majlis Ugama Islam dan Adat Melayu

Terengganu ditubuhkan bagi melicinkan pentadbiran hal ehwal agama Islam di Terengganu. Dalam penulisan ini, penulis tidak menyentuh peranan badan-badan agama di Terengganu dalam hal ehwal masalah sosial yang melibatkan masyarakat Islam.

Seterusnya, Muhammad Na'im Daud<sup>22</sup> dalam penulisan disertasinya merungkai berkenaan dengan perjalanan pentadbiran agama Islam di Kelantan bermula dengan pemerintahan Sultan Muhammad I hingga pemerintahan Sultan Muhammad IV. Hal ini secara langsung menyentuh berkenaan dengan pentadbiran MAIK di Kelantan. Penumpuan diberikan kepada penyusunan organisasi pentadbiran Islam dan aktiviti yang dijalankannya selain penerimaan masyarakat Islam terhadap pentadbiran yang dijalankan. Penulis lebih cenderung menyentuh berkenaan dengan

<sup>21</sup>Tuan Ruhani Tuan Shariff @ Syed Abu Bakar. (1978). *Sejarah Pentadbiran Hal Ehwal Ugama Islam Terengganu Semenjak 1900an hingga 1950an*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Bangi: Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>22</sup>Muhammad Na'im Daud. (2002). *Pentadbiran Agama Islam di Kelantan: Kajian di Akhir Abad ke-19 Sehingga Awal Abad ke-20 Masehi*.





pentadbiran MAIK dalam hal ehwal pendidikan, pengurusan masjid dan penerbitan. Dari aspek pentadbiran, MAIK merupakan sebuah badan bebas daripada tanggungan dan arahan kerajaan Kelantan. Walau bagaimanapun, seperti penulisan-penulisan lain, penulis tidak menyentuh berkenaan pentadbiran terhadap masyarakat Islam dalam hal ehwal salah laku seksual tatkala membicarakan berkenaan dengan pentadbiran MAIK.

Sebenarnya, isu yang melibatkan masalah sosial dalam kalangan masyarakat telah banyak dinukilkhan.<sup>23</sup> Namun, kebanyakan penulisan tersebut memberi penekanan secara umum mengenai masalah sosial. Antara perkara yang menjadi fokus perbincangan ialah masalah masyarakat yang melibatkan masalah politik dan ekonomi, jenayah, amalan seksual, populasi dan kemunduran. Seterusnya ialah masalah yang melibatkan kumpulan yang lebih besar. Masalah ini melibatkan ketidaksamarataan ekonomi dan kemiskinan, perkauman dan seksual. Di samping itu, masalah yang berhubung kait dengan institusi sosial turut disentuh yang berfokus perubahan struktur kerja, pelajaran dan ketidaksamarataan peluang pelajaran, penjagaan kesihatan dan masalah yang melibatkan anggota keluarga. Akhirnya ialah masalah dunia yang mepunyai skop yang lebih besar seperti peperangan dan keganasan serta isu alam sekitar. Keempat-empat aspek tersebut sebenarnya kerap menyentuh semua sisi kehidupan manusia pada masa kini yang perlu dipandang serius oleh semua pihak. Melalui penulisan-penulisan tersebut, pengkaji dapat memahami

<sup>23</sup>James William Coleman, & Donald R. Cressey. (1999). *Social Problems*. (7th ed.). New York: Longman; Anna Leon-Guerrero. (2005). *Social Problems: Community, Policy and Social Action*. California: Pine Forge Press; Linda A. Mooney, David Knox & Caroline Schacht. (2007). *Understanding Social Problems*. (5th ed.). Belmont: Wadsworth/Thomson; Francis V. Moulder. (2000). *Social Problems of The Modern World: A Reader*. Belmont: Wadsworth/Thomson; William Kornblum & Joseph Julian. (2012). *Social Problems*. (4th ed.). Boston: Pearson; James M. Henslin. (2006). *Social Problems*. New Jersey: Pearson Prentice Hall; Malcolm Spector & John I. Kitsuse. (2009). *Constructing Social Problems*. New Jersey: Transaction Publishers; Norman A. Dolch, et al. (2007). *Social Problems: A Case Study Approach*. (2nd ed.). Plymouth: Lexington Books; Alex Thio & Jim Taylor. (2012). *Social Problems*. London: Jones & Bartlett Learning.





sebab musabab yang mendorong kepada berlakunya masalah sosial di samping kesannya kepada kehidupan di muka bumi ini.

Penulis tempatan juga tidak ketinggalan dalam menukilkan beberapa penulisan yang kebanyakannya menyentuh berkenaan dengan realiti semasa masalah sosial yang berlaku di Malaysia. Pengkaji mendapati bahawa masalah sosial yang berlaku di Malaysia agak banyak dan cukup membimbangkan. Antara masalah sosial yang disentuh oleh kebanyakan penulis<sup>24</sup> di Malaysia ialah amalan seksual secara haram, penagihan dadah, jenayah, masalah juvana, penagihan dadah, kemaknyahan, gay, lesbian, homoseksual, pelacuran, vandalisme, mat rempit, *Acquired Immunodeficiency Syndrome* (AIDS), ajaran sesat, rasuah, pembuangan bayi dan transgender. Berdasarkan penulisan-penulisan tersebut, perkara yang terkeluar daripada sistem nilai sesebuah masyarakat dan bersalahan dengan ajaran agama dikategorikan sebagai masalah sosial. Pengkaji mendapati masalah sosial yang berlaku pada masa kini semakin luas dan tidak hanya kepada masalah salah laku seksual yang dikendalikan oleh pentadbiran MAIK iaitu masalah khalwat, bersekedudukan, pelacuran dan rogol.

Nurhayati Surbaini<sup>25</sup> pula dalam penulisan beliau melihat permasalahan seksual dari aspek perundangan jenayah syariah di Malaysia. Penulisan beliau

<sup>24</sup>Mahadi Osman et al. (ed.). (1995). *Masyarakat Melayu dan Gejala Sosial: Proses Penyelesaian ke Arah Pembinaan Masyarakat Melayu Cemerlang Abad ke-21*; Zeenath Kausar. (2005). *Social Ills in Malaysia: Causes and Remedies*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia; Wan Azmi Ramli. (1998). *Petaka Abad ke-21*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd; Mustaffa Abdullah & Faisal Ahmad Shah (ed.). (2010). *Kemelut Peradaban Remaja di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya; Asmak Haji Ali. (2006). *Salah Laku Sosial Remaja Masa Kini: Cabaran dan Penyelesaiannya*. Dalam Abd. Rahaman Abd. Rashid et al. (ed.). *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. hlm. 89-115; Mohamad Nasir Saludin & Noreha Mohamed Yusof. 2002. *Strategi Menangani Gejala Sosial Remaja: Kajian Kes di Kuala Lumpur*. Dalam Lukman Z. Mohamad et al. (ed.). *Keluarga, Gender dan Cabaran Sosial di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors. hlm. 199-218.

<sup>25</sup>Nurhayati Surbaini. (2009). *Kesalahan Seksual dan Salah Laku Moral dalam Undang-undang Jenayah Syariah dan Kanun Keseksuaan*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang Universiti Malaya.





menjurus kepada kesalahan seksual dan salah laku moral dalam Undang-undang Jenayah Islam iaitu persetubuhan luar nikah, sumbang mahram, liwat, musahaqah, pelacuran, muncikari, muqaddimah zina, khalwat, perbuatan tidak sopan dan lelaki berlagak seperti perempuan. Manakala kesalahan-kesalahan seksual dan salah laku moral dalam kanun keseksaan ialah persundalan, rogol, sumbang mahram dan kesalahan-kesalahan luar tabi'i. Berbanding dengan penulisan tersebut, kajian yang dilakukan oleh pengkaji hanya terhad kepada empat masalah salah laku seksual yang melibatkan masyarakat Islam di Kelantan. Tambahan pula, penulisan tersebut lebih berfokus kepada aspek pelaksanaan hukuman yang melibatkan hukuman pembalasan dan pemulihan oleh Mahkamah Syariah.

Ahmad Redzuwan Mohd Yunus<sup>26</sup> pula mengemukakan beberapa masalah

sosial yang melibatkan masyarakat Islam di Malaysia. Walau bagaimanapun, dalam penulisan beliau ini, istilah yang digunakan untuk merujuk kepada perkara tersebut ialah “gejala sosial”. Penulis turut sama menyediakan pilihan dalam menangani masalah tersebut. Dalam penulisan ini, penglibatan seseorang dalam masalah sosial adalah lantaran daripada kegagalan menguruskan kehidupan dari aspek fizikal dan rohani. Natijah daripada hal tersebut, seseorang itu menjadi tidak tentu arah yang secara langsung memudahkan mereka terlibat dengan perkara-perkara yang ditegah oleh agama. Berhubung dengan masalah tersebut, ilmu pengetahuan amat penting kerana akhirnya dapat membentuk pemikiran seseorang itu dalam bertindak. Dengan kata lain, pengetahuan yang diperoleh mampu mengekang keterlibatan seseorang individu dalam masalah sosial.

<sup>26</sup>Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. (2003). *Gejala Sosial Dalam Masyarakat Islam: Punca dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.





Penulisan jurnal oleh Ainul Bashirah Ismail, Zuliza Mohd Kusrin dan Mat Noor Mat Zain<sup>27</sup> pula merungkai tentang permasalahan khalwat yang menjadikan al-Quran dan Hadis sebagai rujukan utama. Hukuman bagi mereka yang terlibat dengan masalah khalwat menjadi fokus perbincangan di samping hikmah masalah tersebut diharamkan dalam agama Islam. Dengan kata lain, perbincangan jurnal ini melihat peranan agama Islam dalam mengekang masalah khalwat dalam kalangan pengikutnya. Masalah zina dapat dielakkan melalui pengharaman perbuatan khalwat kerana masalah zina mengundang pelbagai masalah lain seperti buang bayi, kelahiran anak luar nikah dan penularan penyakit kelamin. Maksudnya, perbuatan khalwat ini merupakan pintu kepada pelbagai lagi keburukan yang memberi kesan untuk tempoh yang panjang. Penulisan ini juga menekankan aspek hukuman yang menurut ajaran Islam, mereka yang terlibat dengan masalah khalwat tersebut dikenakan hukuman



Di samping itu, dalam tesis sarjananya, Rosdi Yusof<sup>28</sup> membandingkan antara jenayah rogol dan sumbang mahram di Malaysia dengan undang-undang Islam bersandarkan kepada kajian teks dan analisis statistik dari tahun 1995 hingga 2000. Kesan perbuatan jenayah rogol dari sudut kanun keseksian dan perundungan Islam diperjelaskan oleh penulis yang memberi maksud bahawa undang-undang untuk menghukum pesalah rogol telah sedia ada di Malaysia. Faktor yang mendorong kepada jenayah rogol ialah pergaulan bebas, tekanan mental, kurang penghayatan agama, pengaruh media massa dan untuk membala dendam. Penulisan ini memberi

<sup>27</sup>Ainul Bashirah Ismail et al. (2012). Kesalahan Khalwat dan Perbuatan Tidak Sopan dan Hukumannya Menurut Islam. *Jurnal Hadhari*. Vol. 4(2). hlm. 65-88.

<sup>28</sup>Rosdi Yusof. (2002). *Kajian Perbandingan Jenayah Rogol dan Sumbang Mahram di Malaysia, Penyelesaiannya Menurut Perspektif Islam*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Bangi: Jabatan Syariah Universiti Kebangsaan Malaysia.

